

PENERIMAAN BELIA NON-MUSLIM TERHADAP AKTIVITI DAKWAH DI LEMBAH KLANG NON-MUSLIM YOUTH ACCEPTANCE OF PREACHING ACTIVITIES IN KLANG VALLEY

¹Mohd Hakim Bin Arshad, ²Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah

¹ Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mohdhakim@kuis.edu.my.

² Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), yusufmarlon@kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Lembah Klang merangkumi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Purata belia yang tinggal di kawasan ini tinggi berbanding kawasan lain berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia yang mempunyai latar belakang budaya serta agama yang berbeza. Namun begitu, agama Islam merupakan agama rasmi di negara ini berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Kepelbagaian kaum dan agama tidak menghalang masyarakat muslim dan non-Muslim hidup secara harmoni dan bertoleransi. Pola kehidupan majmuk tidak menolak tuntutan amanah agama dalam menyampaikan Islam kepada golongan non-Muslim melalui pelbagai pendekatan. Hal ini menunjukkan, aktiviti dakwah kepada masyarakat telah dilakukan sejak dahulu lagi tanpa mengenyahkan hak beragama bagi masyarakat non-Muslim yang lain. Berdasarkan landskap sosiologi agama Malaysia, kelihatan bahawa hubungan interaksi antara agama sering dibayangi dengan kecenderungan terhadap persepsi-persepsi negatif dalam kalangan masyarakat multi-etnik yang berbilang agama, bangsa dan budaya (Muhammad Nazmi Abd halim & Jaffary Awang, 2016) Justeru itu, tulisan ini berobjektifkan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, persepsi, penglibatan, penerimaan belia non-Muslim terhadap aktiviti dakwah di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik terhadap responden. Kepentingan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti penerimaan dakwah dalam kalangan belia non-Muslim di Lembah Klang dari segi aktiviti yang dijalankan dan penglibatan golongan ini terhadap dakwah. Kajian ini juga penting untuk mengetahui tahap pengetahuan belia non-Muslim terhadap kepercayaan dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Islam. Hasil kajian, jelas membuktikan bahawa belia non-Muslim mempunyai pengetahuan asas berkenaan Islam, persepsi yang dibina juga dilihat cenderung ke arah yang positif selain boleh menerima dan melibatkan diri dengan aktiviti dakwah yang dilakukan di Lembah Klang.

Kata kunci

Agama, Non-Muslim, Islam, Belia, Penerimaan

Abstract

The Klang Valley covers the Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor. The average youth living in this area is high compared to other areas based on the Department of Statistics Malaysia which has different cultural and religious backgrounds. However, Islam is the official religion in this country based on the Federal Constitution. Diversity of races and religions does not prevent the Muslim and non-Muslim communities from living in harmony and tolerance. The pattern of plural life does not reject the demands of religious trust in conveying Islam to non-Muslims through various approaches. This shows that da'wah activities to the community have been done since time immemorial without neglecting the religious rights of other non-Muslim communities. Based on the sociological landscape of Malaysian religion, it seems that the relationship between religions is often overshadowed by the tendency to negative perceptions among multi-ethnic communities of various religions, races and cultures (Muhammad Nazmi Abd halim & Jaffary Awang, 2016) Thus, this article aims to identify the level of knowledge, perception, involvement, acceptance of non-Muslim youth on dakwah activities in the Klang Valley. This study uses quantitative methods by distributing questionnaires to respondents. The importance of this study is to identify the acceptance of da'wah among non-Muslim youths in the Klang Valley in terms of activities carried out and the involvement of this group in da'wah. This study is also important to know the level of knowledge of non-Muslim youth on the beliefs and culture practiced by the Muslim community. The results of the study clearly prove that non-Muslim youths have a basic knowledge of Islam, the perception built is also seen to tend in a positive direction besides being able to accept and engage in dakwah activities carried out in the Klang Valley.

Keywords

Religion, Non-Muslim, Islam, youth, acceptance

1. Pengenalan

Aktiviti dakwah merupakan suatu ilmu penting yang perlu dikaji dan dipelajari oleh setiap insan yang bergelar muslim. Namun begitu, prinsip utama ilmu ini sudah diaplikasikan oleh junjungan besar Baginda Rasulullah S.A.W ketika mana baginda menggerakkan aktiviti dakwah sejurus sahaja Baginda diangkat sebagai Rasul dan ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada semua manusia.

Tugas dakwah bukan hanya sekadar menyeru manusia seluruhnya kepada agama Islam semata. Bahkan tugas ini perlu diselaraskan dengan metod yang bersesuaian untuk mempengaruhi orang yang ditunjukkan dakwah kepadanya. Sesuai dengan taklifan khalifah yang diberikan kepada manusia untuk memakmurkan dan menguruskan perintah Allah s.w.t di muka bumi (Sohirin M. Solihin, 2008).

Pendakwah juga perlu mengenalpasti serta memperbaharui kaedah dakwah semasa merupakan keperluan dan perlu dikuasai oleh setiap pendakwah berteraskan wahyu Allah (Badlisham, 2015). Justeru, susun atur metodologi dan strategi yang baik adalah penting untuk memastikan keberkesanan usaha dakwah kepada golongan sasaran. Sikap mengabaikan unsur-unsur penting dalam tugas dakwah boleh menyebabkan kegagalan dalam proses penyebaran dakwah. Bahkan hal ini berkemungkinan boleh menjauhkan golongan sasaran dakwah daripada menerima dan mengikuti aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh masyarakat Islam. Menurut kajian yang dilakukan oleh Abd. Aziz Mohd Zain dan Fatimah Ali terdapat beberapa persepsi yang telah lama

terbina dalam diri golongan non-Muslim dan menghalang mereka untuk menerima Islam sebagai sebuah agama yang sempurna (Fatimah, 2010). Justeru itu, golongan non-Muslim adalah sewajarnya menjadi sasaran dakwah utama bagi para pendakwah disamping mempertingkatkan proses pentarbiahan kepada umat Islam. Hal Ini kerana matlamat untuk menyelamatkan akidah umat adalah suatu perkara yang sangat penting agar seluruh umat manusia memperoleh manfaat daripada kerahmatan agama Islam.

Dalam aspek mendepani golongan non-Muslim, kaedah dakwah yang tepat dan sangat sesuai untuk digunakan bagi memastikan usaha menggerakkan tugas dakwah mendapat sambutan dan penerimaan yang baik dalam kalangan golongan non-Muslim.

Dakwah Islam bukanlah satu tugas yang boleh dilaksanakan secara lepas tangan kerana ini merupakan suatu tanggungjawab besar dalam agama Islam yang harus ditunaikan oleh umat Islam. Tugas dakwah ini perlu dilaksanakan oleh setiap individu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup bukan sekadar keinginan disebabkan minat semata-mata. Para pendakwah harus mengetahui secara jelas asas ilmu dakwah dengan mendalami setiap uslub dan manhaj tertentu seperti mana yang telah digunapakai oleh Baginda Nabi s.a.w kerana beliau merupakan perintis kepada ilmu dakwah. Oleh yang demikian, kaedah dakwah yang sama boleh diaplikasikan semula dalam usaha menyemarakkan aktiviti dakwah terhadap golongan non-Muslim dengan memasukkan sedikit elimen-elimen penting atau disesuaikan dengan keadaan semasa. Sepertimana firman Allah Taala;

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِآلَتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ۱۲۵

Maksudnya:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”

Surah al-Nahl (16):25

Perkataan nasihat pada ayat tersebut adalah sama konsepnya dengan kaedah kaunseling. Justeru itu, dalam mendekati golongan non-Muslim ini, para pendakwah perlu menggunakan semua kaedah ini untuk menyemarakkan aktiviti dakwah disamping dapat memperbetulkan akidah umat manusia selain dapat membantu dalam menyelesaikan kemusykilan yang berlaku dalam masyarakat (Amaludin Ab. Rahman, 2008: 146-147).

Kaedah pelaksanaan dakwah pada masa kini perlu sedikit berbeza berbanding dahulu. Selain dakwah dengan menggunakan kaedah lisan, tugas dakwah boleh juga dilaksanakan menggunakan kaedah bimbingan dan aplikasinya dengan menggunakan cara yang lebih luas skopnya. Kumpulan-kumpulan dalam masyarakat yang boleh dikenalpasti oleh pendakwah boleh menjadi kumpulan sasaran yang perlu didekati. Manakala kaedah kaunseling merupakan salah satu metodologi dakwah yang sering digunakan oleh pendakwah dan sesuai bagi mendekati golongan sasaran untuk

menarik minat golongan ini. Persepsi sesetengah masyarakat yang menganggap bahawa kaunseling hanya kepada mereka yang bermasalah sahaja merupakan satu tanggapan yang tidak tepat. Justeru sebagai seorang pendakwah perlu bijak dalam menggunakan segala kaedah ini bagi mengembangkan agama Islam kepada golongan non-Muslim. Disamping memberikan nasihat, para pendakwah juga boleh menyertakan artikel-artikel dakwah di dalamnya sebagai bahan bacaan buat golongan sasaran.

1.1 Konsep Dakwah Kepada Non-Muslim

Berdakwah kepada bukan Muslim bukanlah persoalan baru yang hanya muncul sejak akhir-akhir ini bahkan seruan untuk berdakwah kepada bukan Muslim ini telahpun bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W di Makkah hinggalah baginda berhijrah ke Madinah. Seruan di Makkah lebih menekankan persoalan aqidah sebagai tunjang jati diri seorang Muslim. Setelah aqidah mereka berjaya dikukuhkan, barulah persoalan hukumhakam seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya pula dibincangkan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Aisyah r.a ;

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى، أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ يُوسُفَ أَنَّ ابْنَ جُرَيْجٍ أَخْبَرَهُمْ قَالَ: وَأَخْبَرَنِي يُوسُفُ بْنُ مَاهَكَ قَالَ: إِنِّي عِنْدَ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - إِتْمَا نَزَلَ أَوَّلَ مَا نَزَلَ مِنْهُ سُورَةٌ مِنَ الْمَقْصَلِ ، فِيهَا ذِكْرُ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ ، حَتَّى إِذَا تَابَ النَّاسُ إِلَى الْإِسْلَامِ نَزَلَ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ ، وَلَوْ نَزَلَ أَوَّلَ شَيْءٍ : لَا تَشْرَبُوا الْخَمْرَ ، لَقَالُوا : لَا نَدْعُ الْخَمْرَ أَبَدًا ، وَلَوْ نَزَلَ : لَا تَزْنُوا ، لَقَالُوا : لَا نَدْعُ الزَّيْنَةَ أَبَدًا

Maksudnya

“Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali yang diturunkan daripadanya (al Quran) ialah surah dalam Mufassal yang terdapat di dalamnya persoalan syurga dan neraka. Selepas seseorang itu teguh dengan Islam, turunlah ayat-ayat yang menerangkan persoalan halal dan haram. Sekiranya ayat awal berkaitan tegahan meminum arak, nescaya mereka berkata : Kami tidak akan meninggalkan arak selamanya. Sekiranya ayat awal berkaitan larangan berzina, nescaya mereka berkata: Kami tidak akan meninggalkan zina selamanya.”

Sahih Bukhari no 4993

Menurut Ibnu Manzur (2003), dakwah bermaksud seruan atau tuntutan untuk merealisasikan matlamat atau objektif tertentu. Dalam konteks semasa, seruan ini bermaksud merealisasikan matlamat utama penciptaan manusia iaitu kembali mengesakan Allah, menjauhi perbuatan menyekutukan-Nya serta mengamalkan prinsip-prinsip utama yang terkandung dalam ajaran Islam. Seruan dakwah penting dalam membina asas-asas Islam serta menghapuskan segala pengaruh jahiliah yang bertapak dalam diri manusia. Tugas dakwah ini sebenarnya ditaklifkan kepada semua muslimin mengikut kadar kemampuan mereka dan bukannya dikhususkan kepada golongan tertentu sahaja. Hal ini kerana walaupun mereka berbeza aqidah dengan kita namun mereka tetap merupakan saudara kita dalam sudut kemanusiaan kerana kita

berasal daripada keturunan yang satu iaitu melalui Adam dan Hawa. Hanya mereka kurang beruntung berbanding kita kerana masih belum berpeluang untuk kembali kepada fitrah sebenar insan iaitu beragama Islam disebabkan kejahilan mereka mengenai agama ini. Maka, menjadi tugas kita untuk berkomunikasi dan berbincang dengan mereka mengenai Islam agar mereka mampu memahami hakikat agama ini melalui jalan yang benar. Hal ini kerana mereka juga sebenarnya dahagakan mesej kebenaran mengenai Islam daripada kita. Namun, perlu difahami bahawa tugas memberi hidayah hanyalah hak mutlak Allah semata-mata sebagaimana firmanNya;

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ ٥٦

Maksudnya:

“Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).

Al-Qasas (28):56

Oleh kerana tugas dakwah ini merupakan salah satu unsur yang penting dalam ajaran Islam, maka ia tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru bahkan memerlukan sokongan dan perancangan yang rapi bagi memastikan objektifnya terlaksana. Antaranya kaedah yang digariskan dalam al-Quran iaitu berdakwah dengan cara yang berhikmah dan melalui nasihat yang baik. Menurut Sayyid Qutb (1996), berdakwah secara berhikmah ialah memerhati situasi dan realiti sasaran dakwah serta mempelbagaikan teknik berdakwah ke atas mereka, kemampuan memberi penjelasan kepada mereka tanpa memberatkan mereka dengan pelbagai tanggungjawab yang masih belum mampu dipikul serta tidak dilakukan atas semangat dan keghairahan yang melampau sehingga terkeluar daripada ruang lingkup hikmah itu sendiri. Nasihat yang baik pula melalui seruan secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia bukannya melalui ancaman, tegahan mahupun mengaibkan mereka atas kesalahan yang dilakukan disebabkan oleh kejahilan mereka. Seorang pendakwah perlu sentiasa sabar dalam menghadapi cabaran dan dugaan kerana Rasulullah S.A.W sendiri pernah menghadapi cabaran dan dugaan yang jauh lebih berat sewaktu memperkenalkan Islam kepada penduduk Makkah. Sifat sabar ini sangat diperlukan dalam berdakwah bagi meneguhkan pendirian dan tekad mereka serta mampu mengikis rasa kecewa sekiranya objektif dakwah itu tidak berhasil.

1.2 Matlamat Dakwah Kepada Golongan Non-Muslim

1.2.1 Menyeru golongan non-Muslim Beribadah kepada Allah

Seluruh makhluk dan penciptaan di alam ini adalah kepunyaan Allah. Allah s.w.t telah mencipta, mengatur dan menentukan seluruh penciptaan-Nya di alam ini. Allah s.w.t menciptakan seluruh makhluk-Nya di atas muka dengan tujuan-tujuan tertentu. Dalam penciptaan manusia di muka bumi, Allah s.w.t menjelaskan tujuan kejadian manusia

adalah untuk beribadah kepada-Nya. Ini menunjukkan manusia merupakan hamba yang hanya wajib melakukan ibadah kepada Allah, sebagaimana firman Allah;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

Al-Dhāriyyat (51): 56

Dalam ayat di atas, al-Sha'rawiy (2011) menjelaskan manusia diciptakan adalah untuk mentauhidkan Allah, menyembah Allah, beribadah kepada-Nya dan mengikut perintah-Nya. Sayyid Qutb (1996) pula menjelaskan bahawa kewujudan manusia di alam ini mempunyai matlamat yang tertentu. Matlamat tersebut akan dicapai dengan melakukan tugas-tugas yang telah ditetapkan. Tugas tersebut ialah perhambaan diri kepada Allah, iaitu selama mana ada hamba (makhluk ciptaan) dan Tuhan (Pencipta). Sebagai hamba manusia wajib menyembah dan Allah hendaklah disembah (Abd Aziz Mohd Zin, 1999). Ini menunjukkan kejadian manusia mempunyai matlamat yang jelas iaitu menjadi hamba Allah, mentauhidkan Allah, menyembah dan beribadah kepada-Nya. Menurut Mohd Sulaiman Hj Yasin (1985) penegasan ini menggambarkan bahawa kejadian manusia mempunyai fitrah kehambaan yang memerlukan tuhan untuk beribadah serta beragama. Ia adalah satu hakikat kemanusiaan. Sudah pasti terdapat agama yang benar-benar wujud sejak lahirnya manusia di dalam alam semesta ini dan menepati dengan naluri fitrah beribadah. Persoalan yang sering timbul berkaitan manusia dan agama adalah, apakah agama yang benar-benar sesuai dengan manusia. Agama apakah yang lebih besar dari semua agama yang ada. Agama apakah yang mampu memberikan petunjuk untuk kebahagiaan manusia. Oleh yang demikian, Allah s.w.t telah menjadikan Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap untuk kehidupan beribadah serta bertuhan yang sebenar-benar (Haron Din, 2002). Firman Allah seperti berikut;

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا ٣

Maksudnya:

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Al-Māidah (5):3

Dalam ayat di atas, Ibn Kathīr menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menyempurnakan untuk manusia agama sehingga manusia tidak perlu kepada agama lain dan diutuskan seorang nabi iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Secara fitrah, manusia sangat berhajat kepada dakwah kerana manusia sentiasa memerlukan sistem kepercayaan yang

sempurna dan bukan kepada kepercayaan atau teori-teori yang sering berubah-ubah (Pustaka Ibnu Kathīr, 2013).

1.2.2 Mencegah Kekufuran dan Segala Bentuk Syirik

Pengutusan para nabi dan rasul di dunia ini adalah untuk menyeru manusia menyembah Allah dan menolak segala bentuk penyembahan yang batil dan mencegah manusia terus bergelumbang dengan syirik sepanjang hayatnya. Islam melarang sesat dan syirik kerana ia perbuatan yang berdosa besar (Pustaka Ibnu Kathīr, 2013). Di atas faktor itu, dakwah diperintahkan secara berterusan untuk memandu manusia berada di atas kebenaran dan menjauhkan kesesatan, sebagaimana firman Allah;

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ
فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي
الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ٣٦

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah *tāghūt*.” Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasul-Nya.”

Al-Nahl (16): 36

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa para rasul diutuskan untuk menyeru manusia menyembah Allah, menyeru manusia supaya meninggalkan segala penyembahan selain daripada Allah dan melepaskan diri manusia daripada menyembah *tāghūt* (Al-Qurtubi, 1967). Sayyid Qutb (1996) dalam menjelaskan istilah *tāghūt* dalam ayat di atas, iaitu sesuatu yang melampaui siuman, melampaui kebenaran dan melewati batas apa yang digariskan oleh Allah kepada hamba-Nya, sesuatu yang tidak dikawal dengan kepercayaan kepada Allah serta undang-undang syariat yang diatur Allah.

2.0 Metodologi Kajian

Metode kajian bermaksud merancang atau membuat perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan berupaya menghasilkan data-data yang tepat atau hamper tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama. Ia akan meletakkan rangka rujuk yang berasas mengenai perkara-perkara yang berkaitan reka bentuk (*research design*), instrument, populasi, sampel dan persampelan, pengukuran dan penilaian dan pengumpulan serta teknik penganalisan

data. Metode kajian terdiri daripada kuantitatif, kualitatif dan metode campuran (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali, 2012).

2.1 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya, reka bentuk penyelidikan adalah suatu yang dirancang oleh penyelidik dan dikembangkan melalui pengisian pada semua aspek dalam prosedur reka bentuk yang dipilih. Pemilihan reka bentuk yang tepat berupaya menzahirkan dapatan-dapatan yang tepat dan tulen (Ahmad Munawar & Nohd Nor Shahizan, 2016). Manakala, menurut Mohd Majid (1990) kaedah atau metodologi dalam sesuatu kajian merujuk kepada cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minima demi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Maka, pengkaji seharusnya membuat kajian berdasarkan metodologi yang sesuai, agar kajian yang dijalankan tersebut berkesan. Apabila pengkaji menggunakan metodologi yang berkesan, maka kita akan dapat keputusan kajian yang jelas, tepat, sah dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap sesuatu kajian. kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan penerimaan belia non-Muslim terhadap aktiviti dakwah di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan.

2.2 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik digunakan sebagai alat untuk mengumpul data mengenai penerimaan belia non-Muslim terhadap aktiviti dakwah di Lembah Klang. Item-item dalam instrumen adalah dibentuk berdasarkan pelbagai sumber seperti instrumen-instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain, definisi operasional dan ulasan kepustakaan yang berkaitan. Di dalam kajian ini, kesahan kandungan item-item bagi soal selidik telah dilakukan bersama pengkaji dan penyelia. Proses kesahan kandungan ini dilakukan dengan tujuan untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa dan juga kejelasan maksud setiap item di dalam soal selidik tersebut. Oleh itu, pengkaji telah memberi perhatian dan membuat pembetulan kepada teguran dan komentar daripada pakar bagi tujuan menghasilkan pernyataan yang lebih jelas dan tepat.

2.3 Populasi Kajian

Populasi ialah satu kumpulan yang mengandungi sama ada unsur, objek, individu atau ciri-ciri yang dipertimbangkan dalam sesuatu kajian yang ingin diambil kesimpulan oleh penyelidik. Populasi kajian ini terdiri daripada responden belia non-Muslim terutamanya masyarakat bangsa Cina dan India yang menetap di Lembah Klang. Kesemua responden berjumlah seramai 300 orang. Pemilihan responden diambil secara rawak dan menganut agama selain daripada Islam serta mengamalkan budaya dan cara hidup non-Muslim. Pemilihan utama pengkaji memilih kawasan di Lembah Klang adalah disebabkan kawasan ini terletak di tengah-tengah Pantai Barat Semenanjung Malaysia adalah kawasan yang meliputi keluasan lebih kurang 2832 kilometer persegi, merangkumi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

2.4 Kaedah analisis Data

Soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada belia non-Muslim di sekitar kawasan kajian adalah untuk mengenal pasti penerimaan belia non-Muslim terhadap aktiviti dakwah di Lembah Klang. Data dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical*

Package for Social Science (SPSS) versi 21.0. Kaedah penganalisaan data secara deskriptif seperti kekerapan, peratus, min digunakan.

3.0 Dapatan Kajian

Secara amnya dapatan kajian ini diperoleh daripada analisis deskriptif yang merangkumi nilai min yang dijalankan untuk mengenalpasti tahap Penerimaan Belia Non-Muslim Terhadap Aktiviti Dakwah Di Lembah Klang seperti jadual berikut:

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
E1	Suara azan di masjid berdekatan sering mengganggu tidur saya	12 2.4%	205 41%	218 43.6%	10 2%	55 11%	4.19	Sangat Tinggi
E2	Aktiviti ceramah yang dianjurkan oleh pihak masyarakat Muslim mengganggu hidup saya	143 28.6%	61 12.2%	122 24.4%	83 16.6%	91 18.2%	3.25	Tinggi
E3	Solat pada hari Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya	63 12.6%	143 28.6%	145 29%	93 18.6%	56 11.2%	3.50	Tinggi
E4	Saya suka	25	14	59 11.8	194	208	4.09	Sangat Tinggi

	tinggal di sekitar masjid	5%	2.8%	%	38.8%	41.6%		
E5	Saya suka membaca tentang Islam	48 9.6%	22 4.4%	208 41.6%	149 29.8%	73 14.6%	3.89	Tinggi
E6	Saya suka mendengar cerita-cerita dari kawan-kawan Melayu tentang Islam	26 5.2%	22 4.4%	64 12.8%	216 43.2%	172 34.4%	3.97	Tinggi
E7	Saya suka menonton ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen	10 2%	34 6.8%	244 48.8%	157 31.4%	55 11%	4.18	Sangat Tinggi
E8	Saya suka mendengar ceramah atau sebarang rancangan berkaitan	6 1.2%	28 5.6%	217 43.4%	185 37%	64 12.8%	4.16	Sangat Tinggi

	agama Islam di radio							
E9	Saya suka memakai pakaian masyarakat Melayu	58 11.6%	32 6.4%	41 8.2%	205 41%	164 32.8%	3.77	Tinggi
E10	Saya suka membeli binatang sembelihan orang Melayu	22 4.4%	22 4.4%	31 6.2%	185 37%	240 48%	4.20	Sangat Tinggi
E11	Saya suka mendengar ayat-ayat al-Quran di masjid	65 13%	83 16.6%	180 36%	101 20.2%	71 14.2%	3.50	Tinggi
E12	Masyarakat Melayu menggambarkan imej Islam yang sebenar	77 15.4%	55 11%	66 13.2%	98 19.6%	204 40.8%	3.59	Tinggi
E13	Saya suka bergaul dengan masyarakat Melayu	68 13.6%	74 14.8%	74 14.8%	110 22%	174 34.8%	3.50	Tinggi

E14	Masyarakat Melayu suka memberikan bantuan kepada golongan non-Muslim	67 13.4%	56 11.2%	84 16.8%	125 25%	168 33.6%	3.54	Tinggi
E15	Masyarakat Islam suka memberikan bahan-bahan bacaan berkaitan Islam kepada saya	64 12.8%	6 1.2%	44 8.8%	156 31.2%	230 46%	3.96	Tinggi
E16	Kerjasama program antara masyarakat Muslim dengan non-Muslim sering diadakan	60 12%	2 0.4%	14 2.8%	174 34.8%	250 50%	4.10	Sangat Tinggi
E17	Masyarakat Islam pernah menganjurkan program berbentuk keagamaan untuk memberikan	60 12%	6 1.2%	242 48.4%	136 27.2%	56 11.2%	3.99	Tinggi

an
kefahama
n kepada
non-
Muslim
tentang
Islam

E18	Saya suka cara orang Melayu mengada kan urusan jual beli	66 13.2 %	34 6.8%	81 16.2 %	143 28.6%	176 35.2%	3.66	Tinggi
E19	Saya tertarik dengan cara orang Melayu berinterak si dengan non- Muslim	84 16.8 %	20 4%	74 14.8 %	171 34.2%	151 30.2%	3.57	Tinggi
Min Keseluruhan							3.82	Tinggi

Hasil dapatan kajian berkaitan penerimaan belia non-Muslim terhadap aktiviti dakwah di Lembah Klang menunjukkan ianya pada tahap yang tinggi berdasarkan min keseluruhan iaitu 3.82. Bagi item E4 iaitu "Saya suka tinggal di sekitar masjid" berada di kedudukan yang sangat tinggi dengan nilai min 4.09. Hal ini menunjukkan bahawa responden selesa tinggal di kawasan berdekatan masjid dan dekat dengan masyarakat Melayu yang majoritinya beragama Islam. Diikuti item E7 iaitu "Saya suka menonton ceramah atau sebarang rancangan berkaitan agama Islam di televisyen" dengan nilai min sangat tinggi 4.18. Hal ini juga menunjukkan bahawa golongan belia non-Muslim ini suka mengambil tahu berkaitan Islam dengan menggunakan medium seperti televisyen sebagai alat untuk belajar berkaitan Islam. Manakala, item E2 iaitu "Aktiviti ceramah yang dianjurkan oleh pihak masyarakat Muslim mengganggu hidup saya" mendapat min yang tinggi juga dengan 3.25 namun masih rendah berbanding item

yang lain. Diikuti item E3 iaitu “Solat pada hari Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya” dengan nilai min yang tinggi 3.50 namun masih rendah juga berbanding item yang lain. Dengan ini, ia menunjukkan bahawa responden mempunyai penerimaan yang baik terhadap aktiviti masyarakat Islam di sekitar Lembah Klang dan meraikan aktiviti keagamaan masyarakat Islam seperti solat Jumaat.

Bagi item 1 dan 2 berkenaan suara laungan azan dan ceramah yang dianjurkan oleh pihak Muslim, kedua-dua item ini kebanyakan responden tidak pasti dan tidak setuju bahawa item 1 dan 2 mengganggu kehidupan mereka. Hasil kajian ini bersamaan dengan kajian ‘Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan’ oleh Ab. Aziz Mohd Zin et al (2008) yang menunjukkan bahawa masyarakat non-Muslim yang tinggal berdekatan masjid tidak berasa terganggu dengan laungan azan, bacaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid. Malah, ada juga dalam kalangan mereka yang berpendapat sikap toleransi ini perlu dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Selain itu kajian Abd Hadi Borham et al (2016) menyebut laungan azan di salah satu masjid pedalaman Pensiangan, Sabah telah menjadi perhatian non-Muslim (kaum Murut) dan mendorong mereka untuk melihat kegiatan orang Islam di masjid.

Manakala, bagi item 3 iaitu solat Jumaat menyebabkan kesesakan jalan raya, responden mempunyai pandangan yang berbeza. Ianya menunjukkan bahawa 28.6% tidak setuju, 29% tidak pasti dan 18.6% setuju bahawa solat Jumaat sememangnya menyesakkan jalan raya. Perbezaan peratus bagi setiap penerimaan responden juga tidak jauh antara satu sama lain. Disebabkan oleh hal ini juga, terdapat pihak non-Muslim yang memuat naik di laman Facebook seterusnya tular ke laman-laman lain mencadangkan untuk umat Islam di Malaysia mendirikan solat Jumaat pada hari Sabtu. Namun Saiful Reza Saiful Azmi iaitu Ahli Jawatankuasa Parti Keadilan Rakyat (PKR), telah bertindak dengan membuat laporan polis serta menggesa Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengambil tindakan tegas terhadap individu tersebut. Selain itu, Amir Ghazali iaitu Ketua Cabangnya mengatakan bahawa pihak berkuasa agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memainkan peranan kerana bimbang isu ini boleh mencetuskan perpecahan (Utusan Online, 2018).

Item 4 berkenaan belia non-Muslim suka tinggal di sekitar masjid menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersikap sangat setuju (41.6%) dan setuju (38.8%). Hal ini menunjukkan responden selesa tinggal di sekitar masjid. Dapatan ini bercanggah dengan kajian Ab. Aziz Mohd Zin et al (2008) ada dinyatakan berkenaan terdapat beberapa aduan daripada masyarakat non-Muslim di Selangor yang mengemukakan kepada pihak berkuasa agama di negeri ini berkenaan perkara yang kurang menyenangkan mereka dengan masjid seperti mengganggu ketenteraman masyarakat awam.

Melihat kepada hasil dapatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kecenderungan golongan belia non-Muslim untuk menerima dakwah juga adalah tinggi. Belia Islam di Lembah Klang khususnya perlu menjadi model yang baik dan mengamalkan nilai-nilai murni agar boleh memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada belia non-Muslim untuk lebih mendalami Islam.

4.0 Penutup

Setelah perbincangan secara terperinci dilakukan, keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan penerimaan yang tinggi dan positif dalam kalangan responden. Melihat kepada hasil dapatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kecenderungan golongan belia non-Muslim untuk menerima dakwah juga adalah tinggi. Belia Islam di Lembah Klang khususnya perlu menjadi model yang baik dan mengamalkan nilai-nilai murni agar boleh memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada belia non-Muslim untuk lebih mendalami Islam.

Rujukan

- Sohirin M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practical*. Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.
- Al-Bahī & Muhammad. (1973). *Al-Islām fi Hayāh al-Muslim*. Mesir: Maktabah Wahbah.
- Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don. 2009. *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode & Pengalaman*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd Zin & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2006. Pendekatan Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Jurnal Usuluddin, Bil 23-24 (2006)*: 163-184.
- Ab. Aziz Mohd Zin et al. 2008. Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Usuluddin, Bil 27 (2008)*: 109-119.
- Ahmad Redzuwan & Badlihisam. 2003. Persepsi Masyarakat India Terhadap Agama dan Komuniti Islam Taman Kajang Utama dan Taman West Country. *Jurnal Islamiyyat*. 24 (2003): 103-121.
- Mohd Azhar Abd Hamid et al. 2013. Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 60 (2013): 11-19.
- Mustafa Kamal & Jaffary Awang. 2012. Persepsi Wanita Buddha dan Wanita Muslim terhadap Dialog Agama: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal al-Hikmah 4 (2012)*: 131-147.
- Syahrul Azman Shaharuddin & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. Tahap Kefahaman, Penerimaan dan Integrasi Golongan Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu di Negeri Selangor. *Jurnal Al-Hikmah 6 (2014)*: 66 – 77.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. (2005). "Pendekatan Targhīb dan Tarhīb dalam Penyampaian Dakwah". *Jurnal Usuluddin*, 118.
- Khairul Azhar Meerangani et al. 2013. *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan 2013.

- Abd Hadi Bin Borham. 2016. Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat *Non-Muslim* di Pedalaman Pensiangan, Sabah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam.
- Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar, *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, jil.3, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman (Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2013), 190.
- Al-Qurtubi, Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *Al-Jāmi' li al-Ahkām al-Qur'ān*, Jil. 10 (Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabiyy li Tibā'ah wa al-Naṣr, 1967), 103-104.
- Sayyid Quṭb, *Tafsir Fi Zilal Qur'ān, Jil. 2*, terj. Yusoff Zaky Haji Yacob, (Kota Bahru Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., 2000), 72.
- Al-Sha'rawiy, Muhammad Mutawalli, *Mukhtasar Tafsir al-Sha'rawiy*, jil. 3, (Kaherah: Dār al-Tawfiqiyah liTurāth, 2011), 288.
- Abd Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 29.
- Haron Din, *Manusia dan Islam, Jil. 1*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), xix.